

KESAN FAKTOR STRUKTUR DAN FAKTOR LOKASI TERHADAP HARGA
HARTA TANAH KEDIAMAN

BA'IZAH BINTI HAJI BURHAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2022

DEDIKASI

Tesis ini ditujukan khas buat ibu dan ayah yang paling saya sayangi, Haji Burhan Bin Amin dan Hajjah Badariah binti Ab Hamid yang tidak pernah berhenti untuk mendidik dan mendoakan saya di sepanjang kehidupan saya ini, yang sentiasa memahami dan memberi sokongan didalam apa juga impian saya serta yang sentiasa menjadi contoh ikutan terbaik buat diri saya.

Turut ditujukan tesis ini kepada suami, Mohd Faiz bin Abd Samad yang tidak jemu menjadi pemangkin semangat dan memberi bantuan kepada saya.

PENGHARGAAN

Dalam proses untuk menghasilkan kajian ini, saya telah menerima sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak. Mereka telah banyak memberikan sumbangan dalam bentuk maklumat serta membantu meningkatkan pemahaman saya terhadap kajian yang dijalankan. Secara khususnya saya amat berbesar hati diatas segala bantuan dan pertolongan yang telah diberikan terutamanya oleh penyelia saya iaitu Dr. Salfarina binti Samsudin yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, bantuan dan sokongan terhadap saya. Saya juga amat berterima kasih kepada Dr. Nurul Hana binti Adi Maimun yang telah banyak membantu memberi pemahaman tentang kajian yang dijalankan selain memberi motivasi dan pandangan dalam tempoh saya menghasilkan kajian ini. Sukar untuk saya menghasilkan kajian ini tanpa sokongan dan bantuan daripada mereka.

Tidak lupa juga kepada panel penilai pembentangan akhir projek sarjana Pentadbiran dan Pembangunan Tanah iaitu Dr. Aminah binti Mohsin dan Dr. Mohd Shahril bin Abd Rahman yang telah membantu dalam memperbaiki dan menambah baik kajian ini serta pegawai – pegawai penilaian di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang telah membantu dalam proses pengumpulan data iaitu Sr Tuan Haji Azmi bin Miswan, Sr Puan Hajjah Sophia binti Haji Salleh, Sr Dr Hj Mohamed Ali bin Mohamed Abu Baker dan Encik Zatul Amri bin Zainal.

Penghargaan yang tidak terhingga turut ditujukan kepada ibu bapa, suami dan keluarga atas sokongan dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian berlangsung.

Saya juga sangat menghargai jasa baik Tuan Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai iaitu Tuan Haji Natazha bin Hariss dan Tuan Haji Muhamad Syahrizat bin Alwee yang memberi kebenaran kepada saya untuk mengikuti dan menyelesaikan pengajian Sarjana ini. Untuk semua pensyarah Fakulti Alam Bina dan UKUR, ucapan terima kasih yang tidak terhingga diatas segala ilmu yang telah dicurahkan dan tidak lupa penghargaan buat rakan – rakan seperjuangan kelas sarjana pentadbiran dan pembangunan tanah yang sentiasa saling memberikan sokongan antara satu sama lain serta teman sekerja di Majlis Perbandaran Kulai khususnya di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang telah membantu kelancaran proses kajian ini.

ABSTRAK

Kediaman bukan sahaja merupakan tempat tinggal atau tempat perlindungan malah ia juga boleh dijadikan produk pelaburan kepada individu kerana harganya yang sentiasa meningkat. Terdapat banyak kajian telah dilakukan bagi membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi harga kediaman berikutan harga harta tanah ini yang semakin meningkat pada setiap tahun. Kenaikan harga kediaman turut berlaku di Malaysia dengan peningkatan yang mendadak saban tahun tanpa diketahui punca ia berlaku. Ciri struktur dan lokasi kerap dikaitkan dengan perubahan terhadap harga rumah. Namun, daripada kajian-kajian yang telah dijalankan didapati setiap ciri struktur dan lokasi itu memberi kesan yang berbeza mengikut kedudukan geografi kediaman dan aspek permintaan pelanggan. Oleh yang demikian, sehingga kini masih tidak dapat dipastikan apakah faktor utama yang mempengaruhi kenaikan atau penurunan harga sesebuah kediaman. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenalpasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada harga harta tanah kediaman dan mengkaji kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga harta tanah kediaman. Sebanyak 43,450 data transaksi bagi kawasan Johor Bahru telah dianalisis menggunakan kaedah Analisis Regresi Berganda. Sebanyak 15 faktor struktur dan 4 faktor lokasi telah dikenalpasti memberi kesan ke atas harga harta tanah kediaman di Johor Bahru. Kajian ini amat penting sebagai panduan kepada pemaju dan pembeli dalam membuat keputusan berkaitan perancangan pembangunan dan pelaburan. Selain itu kajian ini juga penting dijadikan rujukan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan syarikat penilaian dalam menentukan nilai pelarasian bagi kerja-kerja penilaian.

ABSTRACT

A home is not only a place to live or a shelter but it can also be an investment product for individuals due to constantly increasing prices. Due to significant appreciation of housing price every year, many researchers have discussed about the factors that affecting the house price. The significant increase in housing price also occurred in Malaysia without knowing its underlying reasons. Structural and locational features are often associated with the changes in house price. Nonetheless, from previous studies, it is found that structural and locational attributes give different effects towards house price depending on the geographical area and customers demand. Therefore, the main factors that influence the house price remains unclear. This study was conducted for the purpose of identifying the factors that affect the price of residential property and to study the effect of structural and locational factors on the price of residential property. A total of 43,450 transaction data for the Johor Bahru area were analysed using Multiple Regression Analysis method. About 15 structural factors and 4 locational factors have been identified to affect the price of residential property in Johor Bahru. This study is very important as a guide to developers and buyers in making decisions related to development planning and investment. Apart from that, this study is also important as a reference for local authorities, government agencies and valuation companies in determining the value of adjustments for the valuation work.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Matlamat Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.7.1	Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan dan Syarikat Penilaian Swasta	9
1.7.2	Pemaju	10
1.7.3	Pembeli dan Pelabur	10
1.8	Metodologi Kajian	10
1.8.1	Peringkat 1 : Kajian Awalan	11
1.8.2	Peringkat 2 : Pengumpulan Data	12
1.8.2.1	Sumber Data	12
1.8.2.2	Pemilihan Pembolehubah	14
1.8.2.3	Penyediaan Data	16

1.8.3	Peringkat 3 : Analisis Kajian	24
1.8.4	Peringkat 4 : Penemuan Kajian	24
1.9	Susun Atur Bab	25
1.10	Rumusan	26
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Definisi Harta Tanah Kediaman	27
2.3	Definisi Harga Harta Tanah Kediaman	29
2.4	Faktor – faktor Yang Memberi Kesan Kepada Harga Harta Tanah Kediaman	30
2.4.1	Lokasi	39
2.4.1.1	Kualiti Kejiranan	44
2.4.1.2	Kemudahsampaian	46
2.4.2	Faktor Struktur	47
2.5	Model Hedonik	50
2.6	Pemilihan Model Hedonik dalam Kajian	54
2.7	Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS)	54
2.8	Analisis Regresi Berganda	55
2.9	Penilaian Analisis Kajian	56
2.9.1	Ujian Statistik	56
2.9.1.1	R^2 (<i>R-squared</i>)	57
2.9.1.2	R^2 terlaras (<i>Adjusted R Squared</i>)	57
2.9.1.3	<i>Standard Error of the Estimate (SEE)</i>	58
2.9.1.4	Statistik-F	58
2.9.1.5	Statistik-t	58
2.10	Ujian Diagnostik	59
2.10.1	Multikolineariti (<i>Multicollinearity</i>)	59
2.11	Rumusan	59
BAB 3	PASARAN HARTA TANAH KEDIAMAN DI JOHOR BAHRU	61
3.1	Pengenalan	61

3.2	Daerah Johor Bahru	61
3.3	Populasi Penduduk Di Johor Bahru	65
3.4	Keadaan Pasaran Harta Tanah Kediaman di Johor	66
3.5	Perumahan di Johor Bahru	68
3.6	Rumusan	73
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	75
4.1	Pengenalan	75
4.2	Analisis Hubungan Pembolehubah Tidak Bersandar	75
4.3	Pengenalpastian Kesan Faktor Struktur Dan Faktor Lokasi Terhadap Harga Kediaman	79
4.4	Rumusan	89
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	91
5.1	Pengenalan	91
5.2	Penemuan Kajian	91
5.3	Cadangan Penambahbaikan	97
5.3.1	Rujukan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan dan Syarikat Swasta	97
5.3.2	Mengaplikasikan Analisis Regresi dalam Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan	97
5.3.3	Penentuan Harga Jualan oleh Pemaju atau Penjual	98
5.3.4	Penentuan Ciri Kediaman yang Ingin Dipasarkan oleh Pemaju	98
5.3.5	Perekodan Data yang Lengkap dan Seragam	98
5.3.6	Bilangan Data yang Hampir Sama	99
5.4	Sumbangan Kajian	99
5.5	Limitasi Kajian	100
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	101
5.6.1	Mengambilkira Tambahan Elemen Faktor Struktur dan Faktor Lokasi yang Lain	101
5.6.2	Mengkaji Kesan Faktor Struktur dan Faktor Lokasi ke atas Jenis Kediaman yang Berbeza	102
5.6.3	Mengkaji Kesan Faktor Struktur dan Faktor Lokasi di Kawasan yang Berbeza	102

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Keterangan Data yang Diperoleh dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	13
Jadual 1.2	Senarai Pembolehubah yang Digunakan dalam Kajian	14
Jadual 1.3	Ringkasan bagi sampel data kajian	17
Jadual 1.4	Unit Pengukuran Pembolehubah yang Digunakan dalam Kajian	20
Jadual 2.1	Ringkasan Kajian – Kajian Lepas Berkaitan Harga Rumah	35
Jadual 2.2	Ringkasan Senarai Pembolehubah Tidak Bersandar yang Digunakan Dalam Kajian – Kajian Lepas Berkaitan Harga Rumah	38
Jadual 3.1	Keluasan Kawasan dan Jumlah Populasi Mengikut Daerah di Negeri Johor (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor, 2021)	65
Jadual 3.2	Jumlah Harta Tanah Kediaman di Johor Bahru (Majlis Bandaraya Johor Bahru, 2021; Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, 2021; Majlis Bandaraya Pasir Gudang, 2021)	71
Jadual 4.1	Matriks Korelasi Pearson	77
Jadual 4.2	Matriks Korelasi Pearson (selepas gabungan faktor keadaan bangunan)	78
Jadual 4.3	Ringkasan Model	79
Jadual 4.4	ANOVA	80
Jadual 4.5	Analisis Regresi	81
Jadual 4.6	Faktor – faktor yang Memberi Kesan Signifikan Terhadap Harga Kediaman	87
Jadual 5.1	Faktor – faktor yang Mempengaruhi Harga Harta Tanah Kediaman di Johor Bahru	95

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Indeks Harga Rumah di Malaysia Bagi Tahun 2010 – 2020 (Pusat Maklumat Harta tanah Negara, 2020).	4
Rajah 1.2	Carta Alir Metodologi Kajian	11
Rajah 1.3	Taburan Harga Rumah Teres Dua Tingkat	19
Rajah 3.1	Zon Pembangunan Iskandar Malaysia di Daerah Johor Bahru (Pelan Iskandar Malaysia, 2016)	64
Rajah 3.2	Bilangan Transaksi Harta Tanah Kediaman di Johor bagi Tahun 2014 – 2018 (Laporan Pasaran Harta, 2018)	66
Rajah 3.3	Nilai Transaksi Harta Tanah Kediaman di Johor bagi Tahun 2014 – 2018 (Laporan Pasaran Harta, 2018)	67
Rajah 3.4	Indeks Harga Rumah Teres di Negeri Johor (Pusat Maklumat Harta Negara, 2020)	68
Rajah 3.5	Peta Kawasan Mukim dalam Daerah Johor Bahru (Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2019)	69
Rajah 3.6	Harga Rumah Teres di Johor Bahru (Pusat Maklumat Harta Negara, 2020)	72
Rajah 3.7	Indeks Harga Rumah Teres di Johor Bahru (Pusat Maklumat Harta Negara, 2020)	73

SENARAI SINGKATAN

IBM SPSS	-	Pakej Statistik untuk Sains Sosial
JPPH	-	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
MBJB	-	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MBIP	-	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
MBPG	-	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
NAPIC	-	Pusat Maklumat Harta Negara

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perumahan merupakan satu keperluan asas manusia iaitu sebagai tempat tinggal dan memainkan peranan penting kepada masyarakat serta ekonomi. Untuk tempoh jangka panjang, pelaburan dalam harta tanah kediaman berupaya memberi hasil pendapatan kepada isi rumah (FTI, 2012). Oleh yang demikian, semakin ramai anggota masyarakat yang menjadikan rumah sebagai aset mereka (Case et al., 2001).

Pasaran harta tanah adalah tempat di mana penjual dan pembeli bertemu untuk melakukan urusniaga serta penentuan harga harta tanah berdasarkan permintaan dan penawaran ke atas harta tanah tersebut. Pengelasan pasaran harta tanah boleh dibahagikan kepada beberapa sektor iaitu kediaman, komersial, pertanian dan perindustrian mengikut lokasi dan permintaan (Armatys et al., 2009; Shapiro et al., 2013). Menurut Ismail (2005) pasaran harta yang paling besar adalah sektor kediaman.

Pembentukan pasaran perumahan dalam sebahagian besar pasaran harta tanah adalah melalui pembelian harta tanah kediaman oleh individu atau kumpulan berbentuk syarikat untuk dijadikan sumber pendapatan. Tindakan ini memainkan peranan dalam memberi kesan kepada ekonomi tempatan dan negara. Justeru, kajian berkaitan harga kediaman amat di nantikan oleh bakal pembeli rumah, pemaju, pihak institusi kewangan (Gao dan Wang, 2007), pihak yang membuat dasar iaitu agensi-agensi kerajaan dan mereka yang terlibat dalam industri perumahan (Prasad dan Richards, 2008). Pasaran harga harta tanah dikatakan tidak sempurna disebabkan oleh beberapa perkara iaitu melibatkan modal dan kos transaksi yang tinggi, kekurangan maklumat berkaitan transaksi jual beli harta tanah serta sifat kepelbagaian harta tanah itu sendiri (Shapiro et al., 2013).

Harga kediaman dipengaruhi oleh faktor makro dan mikro. Faktor makro yang mempengaruhi harga termasuklah permintaan dan penawaran, kadar faedah, inflasi, kadar pendapatan dan cukai. Faktor mikro pula melibatkan ciri lokasi dari segi kemudahsampaian dan kejiranan serta ciri struktur kediaman seperti usia bangunan, luas bangunan, bilangan bilik tidur, bilangan bilik air, jenis kediaman, fasiliti yang disediakan dan lain-lain (Mohamad, 2012).

Permintaan ke atas kediaman dipengaruhi oleh trend perubahan pilihan pengguna. Pada masa dahulu, rumah hanya berfungsi sebagai keperluan asas untuk dijadikan tempat perteduhan dan perlindungan kepada manusia. Kesan perubahan masa dan pilihan di kalangan masyarakat, fungsi rumah kini telah diperluaskan dan dipertingkatkan daripada sekadar memenuhi keperluan asas kehidupan kepada untuk memberikan kehidupan yang lebih berkualiti. Pembeli rumah pada hari ini amat menitikberatkan kualiti dan ciri-ciri sesebuah kediaman dari sudut lokasi, struktur fizikal bangunan dan fasiliti yang disediakan sebelum membuat keputusan untuk membeli rumah (Tan, 2012; Wu, 2010). Menurut Hamid (2002), pembeli hanya akan membeli sesebuah harta tanah selepas membuat keputusan dan membuat pertimbangan berdasarkan semua ciri-ciri penting yang pembeli tersebut kehendaki perlu ada pada sebuah rumah. Untuk memudahkan proses membuat pilihan harta tanah, bakal pembeli ini akan menjalankan tinjauan secara fizikal ditapak atau tinjauan secara dalam talian ke atas beberapa projek perumahan untuk mengenalpasti ciri-ciri yang dikendaki pada sebuah rumah (Azni Raihan, 2017).

Setiap ciri struktur dan ciri lokasi kediaman merupakan faktor yang berupaya memberi nilai kepada harga kediaman itu sendiri dan nilai bagi ciri – ciri kediaman itu bergantung kepada tahap pilihan keutamaan pembeli rumah terhadap satu-satu ciri itu (Stamou M, Mimis. A and Rovolis. A, 2017). Kediaman yang terletak di lokasi utama memberi kesan yang besar terhadap harga seperti di pusat bandar atau di kawasan-kawasan tumpuan kerana menjadi tumpuan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan (Alonso, 1964; Muth, 1969; Mills, 1972). Namun, walaupun harta tanah kediaman didirikan dalam lokasi yang sama, tidak semestinya harga bagi harta tanah di kawasan yang sama ini akan mempunyai nilai harga yang sama. Perbezaan harga boleh berlaku disebabkan ciri – ciri struktur rumah yang berbeza dari segi luas binaan bangunan,

bilangan bilik tidur, bilangan bilik air, reka bentuk, kemudahan fasiliti yang disediakan dalam kawasan perumahan, aspek keselamatan di kawasan tersebut dan sebagainya (Vivian W.Y.Tam, 2019).


1.2 Pernyataan Masalah

Harga sesebuah kediaman itu di nilai berdasarkan pelbagai faktor yang boleh dikelaskan kepada faktor dalaman dan luaran. Menurut Chiang, Peng & Chang, (2015) secara asasnya faktor dalaman yang mempengaruhi harga kediaman adalah terdiri daripada ciri struktur kediaman itu sendiri. Ciri struktur kediaman yang sering terlibat dalam penilaian harga kediaman adalah keluasan bangunan, keluasan tanah, jumlah bilik air dan bilik tidur (Tse & Love, 2000).

Faktor luaran yang mempengaruhi harga kediaman pula terbahagi kepada beberapa kategori iaitu ciri ekonomi, ciri lokasi dan ciri sosial. Antara ciri ekonomi ini adalah kadar faedah pinjaman perumahan, kadar inflasi, cukai keuntungan harta tanah, kos tenaga buruh, pendapatan isi rumah dan keluaran dalam negara kasar (Khoiry, Tawil, Hamzah, Ani & Sood, 2012). Menurut Chiang et al. (2015) ciri lokasi yang didapati mempengaruhi harga kediaman adalah mengambil kira aspek kemudahsampaian, kejiranan dan jarak ke pelbagai kemudahan seperti pusat membeli belah, institusi pendidikan, pengangkutan awam, hospital, taman rekreasi, lebuhraya atau loji rawatan air (Oloke et al., 2013). Manakala menurut Ong (2013), pertumbuhan populasi penduduk adalah ciri sosial yang mempengaruhi harga kediaman.

Di Malaysia, masih tidak dapat dipastikan apakah faktor yang menjadi punca utama kenaikan dan penurunan harga kediaman dan isu ini terus manjadi perdebatan (Moorthy & Jeronn, 2014). Jika dilihat kepada data indeks harga rumah mengikut jenis rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada tahun 1988 hingga tahun 1999, didapati berlaku turun naik harga rumah sepanjang satu dekad tersebut. Walaubagaimanapun, Indeks Harga Rumah sepanjang tahun 2010 hingga tahun 2020 pula menunjukkan kenaikan harga rumah yang berterusan. (Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, 2020). Berdasarkan kepada graf indeks harga rumah

di Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (2020), didapati harga rumah di Malaysia dari tahun 2010 hingga 2020 telah meningkat hampir 100%.



Rajah 1.1 Indeks Harga Rumah di Malaysia Bagi Tahun 2010 – 2020 (Pusat Maklumat Harta tanah Negara, 2020).

Daripada Rajah 1.1 menunjukkan pasaran harta tanah kediaman telah berkembang pesat dan meningkat dengan mendadak dalam tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan iaitu daripada tahun 2010 hingga 2020. Peningkatan harga yang ketara ini dapat dilihat bagi unit-unit kediaman yang bukan sahaja terletak di kawasan bandar utama malah juga di pekan – pekan kecil di Malaysia (Moorthy & Jeronn, 2014). Peningkatan harga kediaman di Malaysia menjadi satu kebimbangan kepada umum apabila punca utama kenaikan masih menjadi tanda tanya (Khoiry et al. 2012). Sejak diutarakan oleh Khoiry et al. (2012), peningkatan harga terus berlaku sehingga kini yang mana hal ini dapat dilihat melalui Rajah 1.1 di mana peningkatan harga terus berlaku secara berterusan.

Antara semua faktor yang telah dinyatakan, ciri struktur dan ciri lokasi kediaman sering dibincangkan dalam kajian di pelbagai negara tentang perkaitan ciri-ciri ini dengan harga kediaman (Chau & Chin, 2002; Owusu – ansah, 2012). Menurut Khoiry et al., (2012); dan Tyrvainen & Miettinen, (2000), ciri struktur dan lokasi bagi sesebuah kediaman adalah memainkan peranan dalam penentuan harga kerana kedua-

duanya memberi impak yang ketara ke atas variasi harga harta tanah kediaman. Oleh sebab itu menurut Owusu – ansah (2012), adalah penting untuk mengkaji hubungan antara harga harta tanah kediaman dengan ciri struktur serta ciri lokasi.

Kajian yang dilakukan oleh Follain dan Jimenez, (1985); Sirmans et al., (2005), mendapati kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga rumah masih tidak dapat difahami dengan jelas. Ini disebabkan oleh beberapa perkara antaranya adalah ciri lokasi ini sukar untuk diukur, keupayaan ciri lokasi untuk beroperasi pada pelbagai skala spatial dan pengaruh faktor luaran terhadap lokasi itu sendiri (Orford, 2002). Walaupun terdapat kajian berkaitan model harga hedonik yang menggunakan ciri-ciri struktur yang sama, akan tetapi perbezaan pada ciri faktor lokasi dan faktor struktur dalam kajian boleh menghasilkan keputusan kajian yang berbeza (Yang Xiao, Scott Orford, Chris J Webster, 2015). Oleh sebab itu menurut Owusu – ansah (2012), adalah penting untuk mengkaji kesan hubungan antara harga harta tanah kediaman dengan ciri struktur serta ciri lokasi.

Sungguhpun kajian tentang ciri struktur dan ciri lokasi harta tanah yang mempengaruhi harga telah dilakukan di negara-negara lain, namun faktor-faktor yang mempengaruhi harga harta tanah kediaman bagi kawasan-kawasan tertentu di Malaysia jarang sekali dibincangkan (Kenn Jhun Kam et al., 2016). Memandangkan kesan ciri struktur dan ciri lokasi berbeza mengikut kedudukan geografi dan kawasan kediaman disebabkan oleh aspek permintaan (Sirmans, Macpherson, & Zietz, 2005), adalah menjadi satu keperluan untuk melaksanakan kajian tentang kesan ciri struktur dan ciri lokasi ke atas harga harta tanah di Malaysia. Malah dalam kajian yang dilaksanakan oleh Ola Aluku (2011) juga mendapati faktor lokasi akan menunjukkan kesan yang lebih besar kepada nilai harga kediaman apabila pemilihan kajian melibatkan kawasan geografi yang lebih kecil dan spesifik. Sebagaimana menurut dakwaan Ligus dan Peternek (2017) yang menyebut bahawa ciri-ciri kediaman dan harga kediaman itu sendiri mempunyai hubungan yang rumit dan perlu dibuat kajian untuk memahami hubungan mereka.

Berdasarkan maklumat daripada Pusat Maklumat Harta Negara didapati telah berlaku kenaikan harga rumah di Malaysia pada setiap tahun tanpa diketahui punca

utama berlaku perkara tersebut (Kenn Jhun Kam et al., 2016). Kenaikan harga kediaman setiap tahun ini turut berlaku di Johor Bahru sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Pasaran Harta.

Berdasarkan kajian literatur yg telah dilaksanakan, didapati tiga kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi harga rumah di Malaysia telah dijalankan oleh Tan Teck Hong (2010) dan Kenn Jhun Kam et. al (2016) dan Abdul Hamid & Chin (2005). Tan Teck Hong (2010) dalam kajiannya telah menggunakan sebanyak 333 data kawasan di lembah klang utk tahun 2007, Kenn Jhun Kam et. al (2016) pula menggunakan 250 data transaksi tahun 2014 bagi kawasan rawang.

Hanya Abdul Hamid & Chin (2005) yang menjalankan kajian menggunakan kawasan Johor Bahru sebagai kawasan kajian. Walaubagaimanapun, dalam kajian oleh Abdul Hamid & Chin (2005), mereka hanya memfokuskan kepada tiga buah taman perumahan di Johor Bahru iaitu Taman Pelangi, Taman Sentosa dan Taman Sri Tebrau dengan menggunakan 125 data transaksi tahun 2001 hingga 2003 bagi ketiga-tiga taman perumahan tersebut. Disebabkan itu, hasil kajian mereka ini tidak dapat mencerminkan faktor yg mempengaruhi harga kediaman di kawasan Johor Bahru memandangkan data sampel yg digunakan terdiri khusus daripada tiga buah taman perumahan sahaja. Selain itu penggunaan data transaksi tahun 2001 hingga 2003 dalam kajian mereka ini tidak dpt menggambarkan situasi pada masa kini oleh sebab jarak masa yang telah melangkaui lapan belas tahun.

Sehubungan itu, ini menunjukkan terdapat keperluan bagi pelaksanaan kajian tentang kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga kediaman bagi skop kawasan Johor Bahru.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dijelaskan di atas, persoalan kajian yang timbul adalah sebagaimana berikut:

- i. Apakah faktor-faktor yang memberi kesan kepada harga harta tanah kediaman?
- ii. Apakah kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga harta tanah kediaman?

1.4 Matlamat Kajian

Mengenalpasti kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga harta tanah kediaman.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada harga harta tanah kediaman.
- ii. Mengkaji kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga harta tanah kediaman.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada harta tanah kediaman jenis teres dua tingkat yang berada di kawasan Johor Bahru sahaja. Jenis harta tanah kediaman lain tidak dimasukkan dalam kajian memandangkan bilangan transaksi kediaman teres dua tingkat adalah yang tertinggi di dalam negeri Johor sebagaimana Laporan Pasaran Harta (2018) yang menyatakan jumlah transaksi harta tanah tertinggi pada tahun 2018 adalah harta tanah kediaman bagi kategori rumah teres dua tingkat. Selain itu, pemilihan rumah teres dua tingkat dalam kajian ini adalah kerana harta tanah kediaman jenis ini menawarkan pasaran perumahan terbesar di Johor Bahru iaitu sebanyak 28.1% sebagaimana menurut Pusat Maklumat Harta Negara (2016).

Merujuk kepada laporan Pasaran Harta (2018), harga harta tanah kediaman di Johor meningkat paling tinggi berbanding negeri-negeri lain dengan peningkatan sebanyak 5.6% berbanding Selangor 3.3% pada tahun 2018. Pemilihan kawasan Johor Bahru dibuat selari dengan visi Wilayah Pembangunan Iskandar untuk menjadikan Johor Bahru sebagai bandar metropolis bertaraf antarabangsa yang berdaya saing dan mapan (Mohd Fahmi dan Farah, 2018) serta berdasarkan faktor perkembangan bandar Johor Bahru yang pesat dengan impak ekonomi yang pelbagai hingga merangsang pertumbuhan harga harta tanah kediaman di kawasan ini.

Manakala jenis rumah teres dua tingkat dipilih disebabkan rumah jenis ini mendapat permintaan tinggi dikalangan masyarakat. Menurut Laporan Pasaran Harta (2018), prestasi transaksi harta tanah kediaman di Johor telah semakin bertambah baik dengan 26,885 bilangan transaksi iaitu peningkatan sebanyak 8.0% dan bersamaan RM8.77 bilion nilai transaksi iaitu kenaikan sebanyak 1.5%. Daripada jumlah keseluruhan bilangan transaksi, 50.7% daripada jumlah ini diterajui oleh kediaman jenis teres dengan 7596 unit kediaman teres dua tingkat dan 6048 unit kediaman teres satu tingkat. Komuniti kelas pertengahan yang merupakan kumpulan paling ramai dalam masyarakat cenderung untuk memilih perumahan jenis teres dua tingkat atas faktor keluasan bangunannya. Selain itu pemilihan jenis rumah teres dua tingkat bagi kajian ini adalah kerana ia paling banyak ditawarkan oleh pemaju perumahan di pasaran di samping faktor harganya yang cenderung meningkat naik saban tahun secara berterusan.

Khoiry et al. (2012); Moorthy & Jeronn, (2014) menyatakan dalam kajian mereka bahawa harga harta tanah kediaman terutamanya rumah teres telah mengalami lonjakan yang besar dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan telah menimbulkan keresahan di kalangan orang ramai. Selain itu, berdasarkan kepada indeks harga rumah juga menunjukkan harga rumah jenis teres dua tingkat ini sentiasa meningkat naik setiap tahun (Saripah Osman & Khairos Md Saini, 2019).

Kajian ini turut memfokuskan kepada faktor mikro yang mempengaruhi harga kediaman sahaja iaitu faktor struktur dan faktor lokasi sebagaimana menurut Masri et al. (2016) dan Abdul Hamid (2005) faktor struktur dan faktor lokasi ini mempengaruhi

sebahagian besar daripada harga sesebuah harta tanah. Data yang digunakan adalah data transaksi harga bagi tahun 2011 hingga 2020 melibatkan 70,196 data transaksi pindah milik yang diperolehi daripada Jabatan penilaian dan Perkhidmatan Harta. Tempoh masa transaksi sepuluh tahun dipilih bagi melihat tren perubahan harga harta tanah kediaman di kawasan Johor Bahru berdasarkan perubahan aras ekonomi mengikut tahun-tahun tersebut. Menurut Nurul Hana Adi Maimun (2011), data yang diambil bagi tempoh masa 10 tahun digunakan dan dianggap mencukupi kerana ia adalah tempoh kitaran harta tanah yang lengkap.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dijangka akan dapat memberikan manfaat kepada beberapa pihak sebagaimana berikut:

1.7.1 Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan dan Syarikat Penilaian Swasta

Pihak berkuasa tempatan khususnya Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang dapat menggunakan hasil analisis kajian ini sebagai rujukan dalam penyediaan senarai nilai untuk tujuan pengenaan cukai taksiran dan juga penyediaan data bagi penilaian semula yang dilakukan lima tahun sekali. Selain itu, hasil kajian ini penting sebagai rujukan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan syarikat swasta dalam menentukan nilai pelarasan untuk kerja – kerja penilaian yang dijalankan.

Kajian ini juga dapat memberikan panduan kpd pihak berkuasa tempatan berkaitan penetapan syarat-syarat yang perlu di patuhi oleh pemaju dalam rancangan pembangunan harta tanah bagi tujuan kediaman. Sebagai contoh penetapan luas minima bagi saiz kediaman, saiz lot tanah, bilangan bilik dan lain-lain.

1.7.2 Pemaju

Berdasarkan hasil kajian ini pemaju akan dapat menyediakan pelan pemasaran yang lebih baik berdasarkan kepada elemen faktor struktur dan faktor lokasi yang telah dikenalpasti memberi kesan signifikan kepada harga kediaman. Selain itu, dengan mengenalpasti hubungan kedua-dua faktor lokasi dan struktur boleh dijadikan panduan oleh pemaju dalam pembinaan harta tanah kediaman yang lebih menarik hati pelanggan untuk membeli kediaman tersebut serta dijadikan sebagai rujukan dalam penetapan harga jualan harta tanah kediaman.

1.7.3 Pembeli dan Pelabur

Bakal pembeli dan pelabur harta tanah boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dalam pemilihan lokasi kediaman yang tepat untuk mereka dengan kesesuaian pendapatan yang diperolehi. Melalui kajian ini juga, mereka akan lebih memahami tentang faktor-faktor yang mempengaruhi harga rumah dan boleh menjangkakan harta tanah kediaman yang berpotensi untuk dimiliki.

1.8 Metodologi Kajian

Menurut Ismail (2005), metodologi kajian boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah, teknik, dan prosedur yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisa data untuk manyampaikan maklumat atau informasi baharu bagi tujuan ilmu pengetahuan. Metodologi bagi kajian ini merangkumi kaedah dan tatacara bermula dari peringkat kajian awalan, pengumpulan maklumat, analisis data dan kesimpulan yang menerangkan pencapaian objektif kajian. Kajian ini akan dilaksanakan dengan melalui empat peringkat sebagaimana berikut:

Peringkat 1 : Kajian Awalan

Tajuk, Masalah, Matlamat, Objektif , Skop, Kepentingan, Metodologi



Peringkat 2 : Kajian Literatur

Rujukan dan penulisan kajian terdahulu serta semakan laporan pasaran harta turut dilakukan



Peringkat 3 : Pengumpulan Data

- i) Sumber Data
- ii) Pemilihan Pembolehubah
- iii) Penvediaan Data



Peringkat 4 : Analisis Kajian

Penggunaan sistem Pakej Statistik untuk Sains Sosial (IBM SPSS)

- i) Analisis Korelasi
- ii) Analisis Regresi



Peringkat 5 : Kesimpulan dan Cadangan

Rajah 1.2 Carta Alir Metodologi Kajian

1.8.1 Peringkat 1 : Kajian Awalan

Peringkat pertama yang dilakukan dalam kajian ini dikenali sebagai kajian awalan yang meliputi pemilihan tajuk yang sesuai, pernyataan masalah, persoalan kajian, penentuan objektif dan matlamat yang ingin dicapai dalam kajian, serta kepentingan untuk melaksanakan kajian ini. Skop kajian turut ditentukan diperingkat pertama ini bagi memberi maklumat tentang batasan terhadap kajian yang akan dijalankan. Dalam kajian ini, kawasan yang akan dikaji adalah meliputi sekitar daerah Johor Bahru di negeri Johor dengan memfokuskan kepada harta tanah kediaman jenis teres dua tingkat.

1.8.2 Peringkat 2 : Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan data-data sekunder yang terdiri daripada kajian literatur, data transaksi harga, dan maklumat kediaman di dalam daerah Johor Bahru.

1.8.2.1 Sumber Data

Jenis dan sumber data sekunder yang digunakan amat penting dalam menjalankan kajian ini. Kajian literatur telah dijalankan dengan merujuk kepada sumber data daripada artikel, jurnal, laporan pasaran harta dan penulisan tesis-tesis lepas berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi harga kediaman. Kajian literatur ini dijalankan bertujuan untuk menjawab objektif pertama iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi harga harta tanah kediaman dan sumber rujukan bagi kajian literatur ini adalah dengan merujuk kepada artikel, jurnal, laporan pasaran harta dan penulisan tesis-tesis lepas berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi harga kediaman.

Manakala bagi menjawab objektif kedua, iaitu mengkaji kesan faktor struktur dan faktor lokasi terhadap harga harta tanah kediaman, kajian secara empirikal telah dijalankan dengan menggunakan data maklumat transaksi harga kediaman yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru. Selain itu dalam menjalankan kajian ini, turut diperoleh data bilangan rumah daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang bagi menjelaskan tentang kawasan kajian yang dipilih iaitu daerah Johor Bahru.

Sebanyak 70,196 data transaksi harta tanah jenis rumah teres dua tingkat telah diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru merangkumi tahun transaksi daripada 2011 hingga 2020. Penentuan tempoh kajian selama sepuluh tahun adalah setelah mengambil kira kitaran ekonomi lengkap bagi harga harta tanah yang terdiri daripada tempoh kemelesetan, pemulihan, lonjakan dan

perlahan (Nurul Hana, 2011). Keterangan tentang data yang diperoleh ini adalah sebagaimana yang telah diringkaskan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Keterangan Data yang Diperoleh dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Bilangan	Data
1	Daerah
2	Mukim
3	Nomborlot
4	Luas tanah
5	Luas bangunan utama
6	Tarikh penilaian
7	Bilangan tingkat
8	Bilangan bilik tidur
9	Tahun penilaian
10	Alamat
11	Tarikh transaksi
12	Jenis pegangan
13	Kategori hakmilik
14	Nombor hakmilik
15	Tempoh pajakan
16	Kawasan
17	Jenis bangunan
18	Nama penjual
19	Nama pembeli
20	Keadaan Bangunan
21	Jenis binaan bangunan
22	Usia Bangunan
23	Harga transaksi

Data – data sekunder yang diperoleh dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bukan sahaja terdiri daripada ciri struktur dan ciri lokasi kediaman tetapi juga maklumat lain yang berkaitan dengan kediaman tersebut. Oleh yang demikian, bukan hanya ciri-ciri yang menjadi faktor kepada penentuan harga rumah sebagaimana yang telah dibincangkan dan digunakan oleh kajian lepas sahaja digunakan untuk menjalankan analisa kajian ini tetapi juga lain-lain maklumat yang sesuai yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

1.8.2.2 Pemilihan Pembolehubah

Proses pemilihan pembolehubah ini dilakukan bagi mengecilkan set data asal dengan memilih hanya ciri utama yang mempengaruhi harga rumah. Terdapat dua kategori pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Harga rumah adalah dibawah kategori pembolehubah bersandar manakala ciri yang dikategorikan di bawah pembolehubah tidak bersandar adalah ciri kediaman yang menjadi faktor yang mempengaruhi harga rumah sama ada secara positif atau negatif. Jadual 1.2 menyenaraikan pembolehubah yang digunakan dalam analisis kajian ini.

Jadual 1.2 Senarai Pembolehubah yang Digunakan dalam Kajian

Jenis Pembolehubah	Pembolehubah yang digunakan
Pembolehubah bersandar	Harga transaksi
Pembolehubah tidak bersandar	Luas lot tanah
	Luas bangunan utama
	Bilangan bilik tidur
	Tahun penilaian 2011
	Tahun penilaian 2012
	Tahun penilaian 2013
	Tahun penilaian 2014
	Tahun penilaian 2015
	Tahun penilaian 2016
	Tahun penilaian 2017
	Tahun penilaian 2018
	Tahun penilaian 2019
	Tahun penilaian 2020
	Jenis pegangan
	Usia bangunan
	Keadaan bangunan
	Mukim Bandar
	Mukim Pulai
	Mukim Tebrau
	Mukim Jelutong
	Mukim Plentong
	Mukim Tanjung Kupang

a) Pembolehubah Bersandar

Harga transaksi harta tanah kediaman yang diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru digunakan sebagai pembolehubah bersandar kerana ia melambangkan harga sebenar pasaran perumahan. Sebagaimana berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu, faktor struktur dan faktor lokasi boleh memberi kesan kepada harga sesebuah kediaman (Ligus M. & Peternek P., 2017).

b) Pembolehubah Tidak Bersandar

Walaupun kajian – kajian lepas membincangkan tentang pelbagai faktor yang mempengaruhi harga kediaman, namun pemilihan pembolehubah bagi kajian ini tidak semestinya sama seperti mana yang dibincangkan dalam kajian literatur. Ini berlaku kerana setiap negara mungkin mempunyai perbezaan dari segi budaya dan data yang diambil kira dalam penentuan nilai harga sesebuah kediaman tersebut. Disebabkan itu, ciri-ciri kediaman yang paling sesuai untuk dijadikan sebagai faktor yang mempengaruhi harga kerap dibincangkan (T.D.Randeniya et al., 2017). Perolehan jenis maklumat harta yang terhad daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Johor Bahru juga telah mengehadkan kajian ini. Namun, walaupun bilangan pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini adalah minimum tidak bermaksud akan memberikan hasil kajian yang tidak tepat (Nurul Hana, 2011).

Pembolehubah tidak bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah mukim, luas lot tanah, luas bangunan utama, bilangan bilik tidur, tahun penilaian, jenis pegangan, usia bangunan dan keadaan bangunan. Faktor lokasi yang digunakan dalam kajian ini adalah mukim-mukim yang diwakili oleh nombor binari. Manakala selebihnya adalah pembolehubah yang mewakili faktor struktur harta tanah. Luas lot tanah, luas bangunan dan bilangan bilik tidur yang menunjukkan keperluan individu terhadap ruang tempat tinggal adalah ciri yang paling signifikan mempengaruhi harga pasaran kediaman (Selim, 2008, & T.D.Randeniya et al., 2017). Usia bangunan yang menjadi penanda aras mengukur fizikal harta biasanya dijangka untuk memberi kesan negatif ke atas harga. Menurut Selim (2008), harga kediaman di Turki yang berusia

antara 5 dan 10 tahun adalah lebih rendah 12% daripada kediaman baru siap dibina yang usianya antara 0 ke 4 tahun. Keadaan bangunan pula berupaya menunjukkan samaada bangunan tersebut menerima penjagaan dan penyelenggaraan yang baik daripada pemilik asal pada masa kediaman itu hendak dijual. Memandangkan kajian ini dijalankan di Malaysia, ciri tambahan bagi kediaman iaitu jenis pegangan juga di masukkan sebagai pembolehubah tidak bersandar kerana ia juga boleh memberi kesan sama ada secara positif atau negatif ke atas harga rumah.

1.8.2.3 Penyediaan Data

Data – data yang diperoleh perlu melalui peringkat penyediaan data sebelum analisis boleh dilakukan. Sistem perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (IBM SPSS) digunakan kerana perisian ini membantu memudahkan proses penyediaan data yang terdiri daripada beberapa langkah iaitu :

a) Verifikasi Data

Verifikasi atau semakan ke atas set data dilakukan untuk memastikan data yang diperoleh dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah yang tepat dan menepati keperluan kajian. Selain itu, peringkat verifikasi ini juga penting untuk memastikan semua data yang dipilih sebagai pembolehubah berada dalam bentuk kuantifikasi. Set data asal adalah sebagaimana dalam Jadual 1.1.

b) Pembersihan Data

Pembersihan data juga penting untuk memastikan setiap data harta tanah kediaman mempunyai maklumat yang mencukupi sebelum di analisis. Sebanyak 70,196 data transaksi telah dikumpulkan bagi tujuan kajian ini. Namun begitu, data yang tidak mempunyai maklumat mencukupi dan tidak menepati kehendak kajian perlu dikeluarkan atau dibuang daripada senarai data bagi membentuk keseragaman sebelum analisis data dilakukan (Azni Raihan, 2017). Data-data yang tidak menepati

kehendak kajian adalah; (1) tarikh transaksi bawah daripada tahun 2011 dan lebih daripada 2020, (2) luas lot melebihi 600 meter persegi, (3) luas lot kurang daripada 50 meter persegi, (4) harga transaksi melebihi RM1,200,000., (5) harga transaksi kurang daripada RM100,000., (6) bilangan tingkat kurang daripada 2, (7) bilangan tingkat melebihi 2, (8) maklumat data yang tidak lengkap dan mengelirukan. Setelah kerja – kerja pembersihan data selesai dilaksanakan, sejumlah 26,746 data telah dibuang daripada senarai meninggalkan baki 43,450 sebagai data sampel kajian.

Setelah data transaksi harga harta tanah kediaman yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru disusun, dan dipilih mengikut kesesuaian kajian, data – data ini kemudianya dimasukkan ke dalam perisian pakej statistik untuk sains sosial (IBM SPSS) bagi memudahkan proses analisis data yang akan dijalankan kemudian.

Data sampel kajian yang muktamad diringkaskan sebagaimana dalam Jadual 1.3. Hanya data daripada enam mukim dalam Johor Bahru sahaja yang tinggal setelah pembersihan data iaitu 736 data mukim Bandar, 463 data mukim Jelutong, 13,065 data mukim Plentong, 16,353 data mukim Pulai, 12,798 data mukim Tebrau dan 35 data mukim Tanjung Kupang. Data daripada mukim Sungai Tiram telah dibuang keseluruhannya daripada senarai sampel berikutan tidak memenuhi kriteria penyelidikan.

Jadual 1.3 Ringkasan bagi sampel data kajian

Statistik Deskriptif						
	N	Minimum	Maksimum	Jumlah	Purata (Mean)	Sisihan Piawai
Balasan (RM)	43450	104000	1196800	18815143959	433029.78	198986.694
Luas Lot	43450	61.00	644.00	6589849.64	151.6651	61.94415
Luas Bgn Utama (mp)	43450	57.30	483.00	6210859.58	142.9427	40.05770
Bil. Bilik Tidur	43450	2	6	154121	3.55	0.526
TahunPenilaian=2011	43450	0	1	3763	0.09	0.281
TahunPenilaian=2012	43450	0	1	2727	0.06	0.243
TahunPenilaian=2013	43450	0	1	8833	0.20	0.402
TahunPenilaian=2014	43450	0	1	230	0.01	0.073
TahunPenilaian=2015	43450	0	1	1382	0.03	0.175

Statistik Deskriptif						
	N	Minimum	Maksimum	Jumlah	Purata (Mean)	Sisihan Piawai
TahunPenilaian=2016	43450	0	1	5016	0.12	0.320
TahunPenilaian=2017	43450	0	1	5370	0.12	0.329
TahunPenilaian=2018	43450	0	1	7168	0.16	0.371
TahunPenilaian=2019	43450	0	1	5818	0.13	0.341
TahunPenilaian=2020	43450	0	1	3143	0.07	0.259
Mukim Bandar	43450	0	1	736	0.02	0.129
Mukim Jelutong	43450	0	1	463	0.01	0.103
Mukim Plentong	43450	0	1	13065	0.30	0.459
Mukim Pulai	43450	0	1	16353	0.38	0.484
Mukim Tebrau	43450	0	1	12798	0.29	0.456
Mukim Tg Kupang	43450	0	1	35	0.00	0.028
Pegangan Kekal	43450	0	1	38721	0.89	0.311
Usia Bangunan	43450	1	54	569943	13.12	7.799
Keadaan Bgn	43450	1	3	127319	2.93	0.258
Valid N (listwise)	43450					


Jadual 1.3 menunjukkan faktor struktur dan faktor lokasi yang dipilih sebagai sampel data kajian. Beberapa pembolehubah yang dinyatakan dalam kajian literatur sebagai memberi kesan signifikan terhadap harga juga termasuk dalam senarai ini iaitu luas tanah, bilangan bilik tidur, usia bangunan, luas bangunan, tahun jualan dan lokasi (mukim). Setelah pembersihan data, didapati bilangan data terbanyak adalah daripada tahun 2013 iaitu sebanyak 8833 data bersamaan 20 peratus daripada keseluruhan data yang telah dimuktamadkan dan data yang paling sedikit adalah daripada tahun 2014 iaitu 230 data bersamaan 1 peratus.

Keluasan lot bagi senarai data ini adalah antara 61 meter persegi dan 644 meter persegi dengan nilai purata 152 meter persegi. Rumah – rumah teres dua tingkat ini mempunyai keluasan antara 57.3 meter persegi hingga 483 meter persegi. Bilangan bilik tidur bagi rumah teres dua tingkat adalah antara 2 hingga 6 bilik. Ini menunjukkan bilangan bilik menjadi faktor tarikan pembeli dan sekaligus memberi kesan kepada harga rumah. Usia bangunan yang paling lama adalah 54 tahun manakala paling kecil adalah 1 tahun. Daripada jadual ini dapat dilihat kawasan mukim Pulai mencatatkan bilangan transaksi kediaman yang tertinggi dalam sampel data iaitu 16,353 dan kawasan yang mempunyai bilangan data transaksi kediaman paling sedikit adalah di

mukim Tanjung Kupang iaitu sebanyak 35 unit rumah. Kawasan yang mempunyai bilangan data transaksi kedua tertinggi adalah mukim Plentong dengan jumlah data sebanyak 13,065. Ketiga adalah mukim Tebrau dengan jumlah data transaksi kediaman sebanyak 12,798. Keempat adalah mukim Bandar dengan bilangan data transaksi sebanyak 736. Kelima adalah mukim Jelutong dengan jumlah data transaksi sebanyak 463.

Sebanyak 38,721 daripada keseluruhan data sampel mempunyai jenis pegangan hakmilik kekal atau bersamaan dengan 89 peratus dan umum diketahui permintaan untuk rumah yang mempunyai pegangan hakmilik kekal pastinya lebih tinggi berbanding hakmilik pajakan. Keadaan bangunan mempunyai nilai 1 hingga 3 kerana diwakilkan dengan indikator bernilai 1=”buruk”, 2=”kurang baik”, 3=”baik”.

Harga rumah dalam set data ini berada dalam lingkungan RM104,000.00 hingga RM1,196,800.00 dan bentuk taburan harga rumah bagi set data ini dapat dilihat melalui histogram di Rajah 1.3.



Rajah 1.3 Taburan Harga Rumah Teres Dua Tingkat

Daripada Rajah 1.3 dapat dilihat harga rumah teres dua tingkat bagi sampel data kajian adalah berbentuk taburan normal. Jumlah data kediaman yang digunakan

dalam kajian adalah 43,450. Julat harga rumah dalam kajian ini adalah antara RM100,000.00 hingga RM1,200,000.00 dengan purata harga (mean) bagi senarai data ini berjumlah RM433,029.78. Keadaan ini menunjukkan perubahan pergerakan harga rumah yang besar dalam tempoh masa sepuluh tahun.

c) Kuantifikasi Data

Perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (IBM SPSS) digunakan untuk menukar data berbentuk perkataan kepada bentuk pembolehubah kuantitatif dan data ini kemudiannya di wakilkan dengan kod tertentu. Untuk kajian ini, terdapat beberapa maklumat data pembolehubah yang berbentuk perkataan iaitu tahun penilaian, mukim, jenis pegangan dan keadaan bangunan. Menerusi perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (IBM SPSS) maklumat tahun penilaian, mukim dan jenis pegangan di ubah atau diwakilkan dengan nombor binari manakala maklumat keadaan bangunan diwakili dengan kod indikator dengan nilai 1= "buruk", 2= "kurang baik", 3= "baik". Penukaran data kepada bentuk kuantitatif amat penting bagi memastikan analisis data dapat dilakukan. Jadual 1.4 adalah senarai bagi semua data pembolehubah yang digunakan dalam kajian beserta unit pengukuran data-data tersebut.

Jadual 1.4 Unit Pengukuran Pembolehubah yang Digunakan dalam Kajian

Pembolehubah Bersandar	Definisi	Kategori	Unit Pengukuran	Jangkaan Hasil
Balasan (RM)	Harga Transaksi		Ringgit Malaysia (RM)	
Pembolehubah Tidak Bersandar	Definisi		Unit Pengukuran	Jangkaan Hasil
Luas Lot	Luas Tanah	Struktur	Meter Persegi (mp)	Positif (+ve)
Luas Bangunan Utama (mp)	Luas Bangunan Utama	Struktur	Meter Persegi (mp)	Positif (+ve)
Bil. Bilik Tidur	Bilangan Bilik tidur	Struktur	Nombor	Positif (+ve)
Tahun Penilaian=2011	Transaksi Tahun 2011	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2012	Transaksi Tahun 2012	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2013	Transaksi Tahun 2013	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2014	Transaksi Tahun 2014	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)

Tahun Penilaian=2015	Transaksi Tahun 2015	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2016	Transaksi Tahun 2016	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2017	Transaksi Tahun 2017	Struktur	Nombor binari	Negatif (-ve)
Tahun Penilaian=2018	Transaksi Tahun 2018	Struktur	Nombor binari	Kawalan
Tahun Penilaian=2019	Transaksi Tahun 2019	Struktur	Nombor binari	Positif (+ve)
Tahun Penilaian=2020	Transaksi Tahun 2020	Struktur	Nombor binari	Positif (+ve)
Pegangan Kekal	Jenis Pegangan Hakmilik Kekal	Struktur	Nombor binari	Positif (+ve)
Usia Bangunan	Usia Bangunan Kediaman	Struktur	Nombor	Negatif (-ve)
Keadaan Bangunan	Keadaan Bangunan Kediaman	Struktur	Indikator	Positif (+ve)
Mukim Bandar	Lokasi Mukim Bandar	Lokasi	Nombor binari	Positif (+ve)
Mukim Jelutong	Lokasi Mukim Jelutong	Lokasi	Nombor binari	Negatif (-ve)
Mukim Plentong	Lokasi Mukim Plentong	Lokasi	Nombor binari	Negatif (-ve)
Mukim Pulai	Lokasi Mukim Pulai	Lokasi	Nombor binari	Kawalan
Mukim Tebrau	Lokasi Mukim Tebrau	Lokasi	Nombor binari	Negatif (-ve)
Mukim Tanjung Kupang	Lokasi Mukim Tanjung Kupang	Lokasi	Nombor binari	Negatif (-ve)

